

IPO IGB REIT jana RM837.5j

» Rancang kukuh
aset portfolio
pelaburan dalam,
luar negara

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan@bharian.com.my

IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) yang bakal menjana RM837.5 juta daripada tawaran awam permulaannya (IPO) meninjau mengukuhkan lagi aset dalam portfolio pelaburannya dengan rancangan pengembangan di dalam serta luar negara.

Dana pelaburan hartanah (REIT) yang dijadual disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 21 September ini menawarkan 670 juta unit saham dalam IPO itu yang mewakili 19.7 peratus daripada 3.4 bilion saiz sahamnya selepas penyenaraian.

REIT peruncitan terbesar

Berdasarkan harga tawaran RM1.25 sesaham, ia akan muncul REIT peruncitan senaraian awam terbesar di Malaysia dengan nilai aset mencecah RM4.6 bilion.

Buat masa ini, portfolio asas IGB REIT terdiri daripada dua aset peruncitan bermutu tinggi yang terletak di lokasi perdana pembangunan Mid Valley City,

iaitu Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall.

Pengarah Urusan IGB REIT Management Sdn Bhd, Robert Tan, berkata rancangan mengukuhkan aset kumpulan itu akan dibuat selepas memastikan portfolio asasnya mencatatkan pulangan dari segi keuntungan dan pendapatan yang memuaskan kepada pelabur.

Sasar keuntungan tercapai

"Dari segi pulangan keuntungan, Mid Valley Megamall dan The Gardens masih perlu melalui perjalanan yang panjang. Secara konservatif, kami menyasarkan pendapatan dan keuntungan ke-

dua-dua aset itu berkembang antara lima hingga lapan peratus setahun.

"Selepas sasaran itu dicapai, maka kami akan meninjau membeli atau membina aset baru," katanya pada sidang media selepas pelancaran prospektus IGB REIT di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Ketua Pegawai Ke-

wangan IGB REIT Management, Chai Lai Sim.

Daripada 670 juta unit saham baru yang diterbitkan itu, 469 juta dibuka untuk langganan pelabur institusi dan pelabur tempatan terpilih di dalam serta luar negara manakala bakinya ditawarkan untuk langganan pelabur awam, pengarah serta kakitangan terpilih syarikat.

CIMB Investment Bank Bhd dan Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB) ialah Penasihat Utama Bersama dan Penaja Jamin Bersama IPO itu.

INFO

Nilai taksiran

- © Nilai taksiran Mid Valley Megamall - RM3.44 bilion
- © Nilai taksiran The Gardens Mall - RM1.16 bilion.